



BULETIN PDTAG

PEJABAT DAERAH DAN TANAH ALOR GAJAH

WWW.PDTAG.GOV.MY



CABUTAN UNDI PERDANA BAGI PROGRAM MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI (PEMERKASA) DAN PROJEK DAERAH ALOR GAJAH BIL. 02/2021 PERINGKAT DAERAH ALOR GAJAH

Cabutan Undi Perdana bagi Program Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) dan Projek Daerah Alor Gajah Bil.02/2021 telah diadakan pada 7 Julai 2021 bermula jam 10.00 pagi. Majlis diadakan secara atas talian melalui medium Facebook Rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (PDTAG). Majlis dihadiri oleh Encik Saiful Hazwa bin Kipli, Pegawai Daerah Alor Gajah, Encik Ir. Mohd Haidir bin Harun, Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya (JKR) Alor Gajah, Tn Hj Adnan bin Hj. Abdullah, Ketua Daerah, Jabatan Pengaliran dan Saliran Daerah (JPS) Alor Gajah, Encik Mohd Faizal bin Md Bazid, Penolong Pengurus, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Encik Suhaimi bin Ikram, dari Persatuan Kontraktor Melayu Negeri Melaka dan Puan Norismawati Jasmani, Pengarah Cawangan Negeri, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).

Sesi Cabutan Undi Perdana bagi tahun ini, sebanyak 91 kerja telah ditawarkan dan melibatkan jumlah keseluruhan bernilai sebanyak RM4,341,244.00

PDTAG mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua kontraktor yang telah terpilih semasa sesi cabutan undi perdana tersebut. Semoga semua kerja-kerja dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan sekaligus memberi impak yang positif kepada masyarakat di Alor Gajah.

SIDANG REDAKSI



Tuan Saiful Hazwa bin Kipli
Penaung

Encik Luqmannullhakim bin Mohamad Idris
Ketua Pengarang



Puan Masmawati binti Mamat
Penyunting

Encik Mustaqim bin Husin
Pengarang Bahagian Khidmat Pengurusan



Puan Noraidah binti Mohd Nor
Pengarang Unit Pembangunan dan Pelupusan Tanah

Puan Samsiah binti Jaamat
Pengarang Unit Hasil



Puan Azimaton binti Abdul
Pengarang Unit Penguatkuasaan/Teknikal

Encik Ahmad Zaki Akbar bin Mohd Raziff
Pengarang Unit Pendaftaran



Encik Abdul Halim bin Borhan
Pengarang Unit Pembangunan Fizikal

Puan Norhabibah binti Puteh
Pengarang Unit Pembangunan Masyarakat



Puan Noor Fazlina binti Duanam
Rekabentuk Garfik

Encik Amirul Muttaqin bin Minghat
Jurufoto



PROGRAM PEMBERIAN VAKSIN SECARA BERGERAK DI KAMPUNG BUKIT PAYUNG DUN TABOH NANING

Program pemberian vaksin di Kampung Orang Asli Bukit Payung telah diadakan pada 6 Julai 2021 dan telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Luar Bandar 2, YB Dato' Henry Sum Agong. Turut hadir sama Ahli Parlimen Masjid Tanah, YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Hj Samsudin.

Pusat Vaksin Bergerak ini adalah kerjasama pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Pejabat Kesihatan Daerah Alor Gajah. Bas Maraliner telah diubahsuai menjadi PPV Bergerak bagi melaksanakan inisiatif ini. Ia bagi memudahkan masyarakat di luar bandar seperti masyarakat orang asli untuk mendapatkan vaksin terutama golongan warga emas yang menghadapi masalah kesihatan dan pengangkutan untuk ke pusat vaksin berpusat. Sukarelawan Masjid Tanah (SMART) turut membantu bagi memastikan kelancaran urusan pendaftaran para penerima vaksin ini .

Seramai hampir 230 orang penduduk Kampung Orang Asli Bukit Payung telah menerima suntikan vaksin dos pertama mereka. Program ini telah diadakan dari jam 9.00pagi sehingga jam 5.00 petang. Pihak kerajaan juga akan memastikan jumlah penduduk orang asli yang mendapatkan vaksin akan bertambah dari semasa ke semasa.

Semoga dengan inisiatif kerajaan ini akan mempercepatkan Negeri Melaka dan Malaysia untuk mencapai imuniti berkelompok.



Sudut Informasi

PERMOHONAN HAKMILIK HILANG

Hakmilik Hilang merupakan hakmilik yang dipegang oleh tuan tanah atau pihak yang berkepentingan telah hilang di dalam simpanan mereka samada hilang disebabkan kecurian atau hilang disebabkan kecuai (miss place). Sekiranya perkara ini berlaku, pemilik hendaklah mengemukakan permohonan hak milik hilang ke Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah (PDTAG dengan menyertakan senarai dokumen seperti berikut:

1. Surat Permohonan Hakmilik Hilang
2. Surat Akuan Sumpah Semua Pemilik
3. Surat Akuan Sumpah salah seorang waris bagi pemilik yang telah meninggal dunia, Sijil Kematian dan salinan kad pengenalan waris.
4. Sijil Carian Persendirian
5. Salinan Resit Cukai Tanah Terkini yang telah dibayar
6. Salinan Kad Pengenalan bagi semua pemilik

Tempoh Masa Proses bagi penggantian Hakmilik Hilang adalah antara Lima (5) hingga Enam (6) Bulan.

Bayaran yang terlibat untuk Permohonan Hakmilik Hilang adalah seperti berikut:

·Permohonan Hakmilik Hilang	-	RM 240.00
·Sijil Carian Persendirian	-	RM30.00
JUMLAH		RM 270.00



GOTONG ROYONG BILIK FAIL

Bermula 26 Julai 2021 sehingga 6 Ogos 2021, warga kerja PDTAG melakukan aktiviti gotong-royong di bilik fail PDTAG yang terletak bersebelahan dengan Pejabat Pembangunan Daerah. Selain aktiviti membersihkan bilik fail dan menyusun semula fail secara teratur, aktiviti merekodkan fail-fail untuk dilupuskan turut dilaksanakan. Jenis-jenis fail yang hendak dilupuskan adalah termasuk fail pentadbiran, fail rekod peribadi, fail kewangan dan lain-lain. Semua maklumat fail yang hendak dilupuskan akan dimasukkan ke dalam sistem dan borang pelupusan arkib dan akan dipanjangkan ke pihak Arkib Negara Malaysia, Cawangan Negeri Melaka bagi mendapatkan kebenaran pelupusan.



KENALI TUGAS PENGUATKUASAAN DAN TEKNIKAL

Sejak penularan pandemik Covid-19, pelbagai SOP telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mencegah penularan dan memutuskan rantaian Covid-19 di Malaysia.


Selaras dengan SOP yang telah dikeluarkan, Unit Penguatkuasaan/ Teknikal dan Hasil masih menjalankan tugas dan mesyuarat yang berkaitan secara atas talian mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Di bawah Unit Penguatkuasaan/ Teknikal dan Hasil, semua Penolong Pegawai Tanah bertanggungjawab melaksanakan tugas dan pemantauan mengikut Kanun Tanah Negara 1965 di seluruh kawasan Daerah Alor Gajah. Diantara tanggungjawab dan tugas adalah seperti berikut:

- penyediaan laporan tanah untuk fail-fail permohonan
- memperengkan sebelum ukur halus dan penempatan selepas ukur halus bagi permohonan yang berjaya
- Membuat pengawasan dan pemantauan di atas tanah-tanah kerajaan, tanah rizab atau perlombongan, Pengeluaran bahan batu dari mana-mana tanah dan penyalahgunaan tanah yang diberimilik, diusahakan dengan tidak mengikut kategori dan syarat-syarat yang ditentukan. Aktiviti- aktiviti penguatkuasaan dijalankan mengikut seksyen 426 KTN 1965.

Selain Penolong Pegawai Tanah, Penolong Pegawai Senibina/ Pelukis Pelan memainkan peranan didalam menyediakan pelan dan laporan tanah serta membuat charting didalam sistem e-Tanah dan ARGIS. Pembantu Tadbir juga membantu dalam pengurusan fail, surat menyurat, penyediaan doket untuk pengeluaran permit bahan batuan.





Siasatan Teknikal Permohonan Operasi Aktiviti Pertukangan bagi Dun Machap pada 27 Ogos 2021 oleh Penolong Jurutera Kawasan.

Permohonan temujanji urusan di PDTAG secara atas talian melalui google forms dengan mengimbas Qr Code ini.

Imbas di sini



Happy Birthday Julai

MUHAMAD FIRDAUS BIN ASUAR	2 JULAI
ZARINA BINTI OSMAN	3 JULAI
MOHD HAFIDZ BIN MOHD DAIN	5 JULAI
MOHD FAIZAL BIN KARIM	8 JULAI
AMIRUL MUTTAQIN BIN HJ MINGHAT	11 JULAI
MOHD RADZI BIN ROSLAN	14 JULAI
NOR SYAKIRA ZALIKA BINTI WAHID	20 JULAI
NURSYAFIKA BINTI HJ MOHD YUSOFF	26 JULAI
OMAR BIN SHARIF	27 JULAI
BARI'AH BINTI DZULKIFLI	28 JULAI



Tahniah kepada Puan Rozi Farisa binti Bahari Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Bulanan Bagi Bulan Julai 2021

Sudut Iklan

VCAFE

PREMIUM MALAYSIAN ARABICA COFFEE

FAHFAHAT

- MEMPERKASA STAMINA
- MEYANTIKAN LEUS DAN PERUT
- MELANCARKAN METABOLISMA
- MENGAWAL BEKAT BADAN
- MENURUNKAN KADAR KOLESTEROL
- MENURUNKAN RISIKO DIABETIS (Kencing Manis), Stroke, Parkinson, Alzheimer
- MENINGKATKAN KEKUALATAN HALLA METABOLIK
- MENINGKATKAN KADAR KOLESTROL
- MENURUNKAN RISIKO DIABETIS
- MENINGKATKAN BEKAT BADAN
- TINGGI ANTIOKSIDAN

VCAFE VOLTEN

Manfaat Volten

- Meningkatkan Antioksidan
- Meningkatkan Stamina
- Menyantikan Usus dan Perut
- Melancarkan Metabolisme
- Mengawal Berat Badan
- Menurunkan Kadar Kolesterol
- Menurunkan Risiko Diabetis (Kencing Manis), Stroke, Parkinson, Alzheimer

SEKUTERA HALIA METABOLIK

EXTRAK MAMPU

Untuk pertanyaan hubungi: En Amirul : 012-3840860

BERMINAT UNTUK MEMPROMOSIKAN PRODUK ANDA DISINI SILA RILAT PERMOHONAN DENGAN MENGIKIMBAS QR CODE INI

Imbas di sini